

Rujukan Kami : USM.JB.HB.G.1/2024

Tarikh : 19 Januari 2024

Pengarah Kampus/ Dekan/ Pengarah/ Ketua Jabatan/
Pusat Pengajian/ Pusat/ Jabatan/ Unit
Kampus Induk/ Kampus Kejuruteraan/ Kampus Kesihatan
Universiti Sains Malaysia

YBhg. Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan,

**HEBAHAN BENDAHARI BIL. 1 TAHUN 2024
PENGEMASKINIAN BERHUBUNG PENGESAHAN DOKUMEN PERMOHONAN PINJAMAN
PERUMAHAN LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA) OLEH
KETUA JABATAN**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sebagaimana dimaklumi, Jabatan Bendahari telah mengeluarkan Hebahan Bendahari Bil. 4 Tahun 2022 berhubung perkara di atas. Namun, berdasarkan ketetapan baharu oleh LPPSA, Jabatan Bendahari telah menyediakan carta alir terkini berhubung permohonan pinjaman perumahan LPPSA yang melibatkan **penambahan dokumen** berikut yang perlu disahkan oleh Ketua Jabatan bagi melancarkan proses permohonan pinjaman:

- i. Surat pelantikan dan surat pengesahan dalam perkhidmatan; dan
- ii. Pengesahan pengiraan anggaran pencen (sekiranya pemohon berumur 55 tahun & ke atas sahaja)

3. Sehubungan itu, bersama-sama ini dilampirkan carta alir permohonan LPPSA dan saluran rasmi komunikasi digital untuk perhatian dan rujukan YBhg. Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan. Maklumat lengkap boleh juga dilayari melalui laman sesawang **www.lppsa.gov.my**.

Kerjasama YBhg. Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk menghebahkan perkara ini kepada semua staf seliaan PTJ. Dengan pengeluaran hebahan ini juga, maka Hebahan Bendahari Bil. 4 Tahun 2022 adalah terbatal.

Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah




(RAFIZAL ABD RAHIM)
Bendahari

s.k. Naib Canselor





CARTA ALIR PERMOHONAN PINJAMAN PERUMAHAN LPPSA



SALURAN RASMI KOMUNIKASI DIGITAL



Whatsapp LPPSA
03-8880 2121



LiA Chatbot & Live Chat
chatbot.lppsa.gov.my



IVR Menu Layan Diri
03-8880 1600



Pertanyaan/Cadangan
Portal e-Tiket



Facebook Page LPPSA
@OfficialPageLPPSA



Mobile App LPPSA
MyFinancing

